

# Klinik bola serlah bakat si cilik

**KLINIK** Asas Bola Sepak Bawah 13 Tahun Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) meneruskan usaha dalam pencarian bakat si cilik di dalam sukan bola sepak.

Pengarahnya, Noor Syafiq Saimin berkata, dalam menjayakan program itu, pihaknya melakukan kerjasama dengan Pusat Sukan UTHM.

Klinik berkenaan yang juga mendapat bimbingan daripada Persatuan Bola Sepak UTHM (Pelajar), turut memberikan panduan kepada peserta berkaitan cara, teknik, peraturan dan beberapa lagi perka-

ra yang berkaitan dengan bola sepak.

“Pendedahan awal berkaitan sukan ini perlu dilakukan dari kanak-kanak lagi agar mereka dapat bermain dengan cara yang betul dan bukannya hanya sekadar bermain.

“Bermain bola sepak bukanlah hanya untuk menyepak bola sahaja, tetapi ia memerlukan kemahiran tertentu seperti mengelecek, mengawal bola dan menjangkan gol.

“Begitu juga dengan peraturan dan idea ketika bola berada di kaki mereka, barulah mereka ini dapat bermain dengan bijak

dan seterusnya memajukan diri masing-masing,” katanya kepada Sinar Harian.

Klinik berkenaan yang diadakan di Stadium UTHM itu adalah kali pertama dilaksanakan dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada peserta sekitar Batu Pahat seperti di Parit Raja, Yong Peng dan Ayer Hitam.

Menurut Noor Syafiq, berkemungkinan pihaknya akan mengadakan klinik seperti ini di masa yang akan datang kerana sambutan yang diterima pada program itu menggalakkan apabila seramai 256 peserta mengambil bahagian.



Antara kanak-kanak bawah 13 tahun yang terlibat dalam Klinik Bola Sepak anjuran UTHM.